

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA (SPPP)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah itu Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP)?	<p>Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah penjenamaan semula bagi Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) yang diperkenalkan pada 1 Januari 2017 untuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tanpa dikenakan fi pendaftaran.</p> <p>Berkuatkuasa pada 22 Disember 2020, Skim ini dibuka kepada golongan usahawan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan berpendapatan B40 bersama-sama dengan golongan pelajar Institusi Pengajian Tinggi.</p> <p>Berkuatkuasa pada 15 Februari 2021, Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) SSM ini dilancarkan dan diperluaskan kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 akan dikecualikan fi pendaftaran dan maklumat perniagaan. Skim ini dilaksanakan sehingga peruntukan geran habis digunakan.</p>
2	Apakah pengecualian fi yang disediakan di bawah SPPP?	<p>Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) ini diberikan untuk tempoh dua tahun perniagaan sahaja (1 kali permohonan sahaja) bermula 1 Jun 2026. Sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini dijalankan. Pembaharuan dan cawangan sekiranya ada dikenakan bayaran seperti biasa.</p> <p>Pengecualian Fi pendaftaran perniagaan adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan – RM30 setahun;</p> <p>(b) Perniagaan milikan tunggal atau perniagaan perkongsian (rakan kongsi terdiri dari kategori kumpulan yang layak memohon</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		skim ini) menggunakan nama tred – RM60 setahun; dan (c) Cetakan maklumat – RM10.
3	Siapakah yang layak memohon SPPP?	(a) Kategori Usahawan Kumpulan B40: 1. Pemegang MyKad/MyPR berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan; 2. Penerima/pasangan yang menerima bantuan khas kerajaan melalui MOF/LHDN yang memanfaatkan Bantuan Prihatin Rakyat (BPN 2.0), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Bantuan Keluarga Malaysia (BKM), Skim Perlindungan kesihatan takaful (mySalam) dan lain-lain; dan 3. Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM. (b) Kategori Pelajar IPT Sepenuh Masa: 1. Pemegang MyKad/MyPR berumur berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan; 2. Pengajian belajar/kursus secara sepenuh masa di mana-mana IPTA/ IPTS/ Politeknik/ Kolej/ Institut Kemahiran/ Pusat Kemahiran di dalam negara; dan 3. Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.
4	Bagaimanakah cara untuk memohon SPPP?	Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di ezbiz.ssm.com.my . Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu. Sila rujuk Tatacara Men daftar Akaun Pengguna Ezbiz dan Tatacara Pengguna Ezbiz Pendaftaran Perniagaan Baru (Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma). Dokumen yang perlu dilampirkan semasa memajukan permohonan SPPP adalah: 4.1 Dokumen bagi Usahawan Kumpulan B40: Bukti pengesahan menerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN 2.0) bagi golongan

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>B40 atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) atas nama sendiri atau No. Mykad/MyPR pemohon.</p> <p>4.2 Dokumen bagi Kategori Pelajar IPT Sepenuh Masa: Salinan surat perakuan pelajar dari pihak IPTA/ IPTS/Politeknik/Kolej/Institut Kemahiran/Pusat Kemahiran.</p>
5	<p>Saya seorang usahawan yang berpendapatan M40. Adakah saya layak untuk memohon skim ini?</p>	<p>Tidak layak. Skim ini khas untuk usahawan yang mempunyai rekod sebagai penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 bagi golongan B40 atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR). Setiap individu hanya layak untuk menikmati skim ini untuk sekali permohonan sahaja.</p>
6	<p>Saya berpendapatan B40 tetapi tidak pernah membuat permohonan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) BPN 2.0 atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dari kerajaan. Adakah saya layak memohon skim ini?</p>	<p>Tidak layak. Hanya individu yang mempunyai rekod di pangkalan data penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 Bagi Golongan B40 atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) atau Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) atau mySalam sahaja dibenarkan. Setiap individu hanya layak menikmati skim ini untuk sekali permohonan sahaja.</p>
7	<p>Saya merupakan pasangan kepada usahawan yang memohon BPN/BPR (tiada rekod nama saya di pangkalan data BPN/BPR di LHDN) dan saya ingin mendaftarkan perniagaan melalui skim ini. Adakah saya layak memohon?</p>	<p>Anda layak. Hanya pasangan kepada individu yang mempunyai rekod di pangkalan data penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 Bagi Golongan B40 atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) atau Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) atau mySalam sahaja yang dibenarkan. Setiap individu hanya layak menikmati skim ini untuk sekali permohonan sahaja.</p>
8	<p>Saya ingin mendaftarkan perniagaan secara perkongsian dengan rakan kongsi bukan</p>	<p>Tidak layak. Pendaftaran perniagaan secara perkongsian melalui skim ini hendaklah terdiri daripada rakan kongsi dari kategori kumpulan yang layak. Setiap individu akan hilang kelayakan selepas</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>dari kategori yang disebutkan. Adakah saya layak mendaftarkan perniagaan menggunakan skim ini?</p>	<p>menggunakan skim ini kerana skim ini hanya boleh digunakan untuk satu kali pendaftaran perniagaan sahaja.</p>
9	<p>Saya merupakan pelajar IPTA yang mempunyai perniagaan berdaftar dan masih belum menggunakan S1P1P. Saya berminat untuk mendaftarkan satu lagi perniagaan menggunakan SPPP. Adakah saya layak memohon?</p>	<p>Tidak layak. Hanya individu dari golongan Usahawan Kumpulan B40 dan Pelajar IPT yang tidak mempunyai entiti perniagaan yang masih aktif di pangkalan data SSM sahaja yang layak memohon. .my</p>